



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ELAK TRAGEDI KERACUNAN MAKANAN YANG BERPUNCA DARI JAMUAN HARI RAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Malaysia. Ternyata rakyat Malaysia seluruh negara menyambut bulan yang menggembirakan ini dengan banyaknya undangan rumah terbuka dan jamuan hari raya di mana-mana sahaja sama ada di pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, institusi selain di rumah-rumah persendirian.

Namun begitu, KKM ingin memberi peringatan bahawa pada tahun 2016, terdapat **peningkatan kes keracunan makanan dengan mendadak** pada bulan lebaran ini berbanding dari bulan biasa; iaitu **peningkatan sebanyak 51.6%**. Justeru KKM ingin menasihatkan orang awam untuk sentiasa peka akan keselamatan makanan sama ada yang disediakan untuk tetamu mahupun yang mereka makan di majlis-majlis hari raya. Apabila menyediakan juadah rumah terbuka, perlu dipastikan amalan pengendalian makanan yang bersih dan sanitari sentiasa diamalkan. Manakala para tetamu pula perlu mengamalkan kaedah "*lihat, hidu dan rasa*" sebelum menjamah makanan. Di samping itu, sentiasa amalkan kebersihan diri seperti membasuh tangan dengan sabun dan air bersih sebelum menyediakan makanan, sebelum makan dan selepas ke tandas.

Jadilah pengguna yang bijak dengan mengutamakan kesihatan, kebersihan, dan keselamatan makanan sebelum menikmati juadah raya. Di samping kita bergembira, berhati-hatilah agar tragedi keracunan makanan dapat dielakkan.

Semoga kita sentiasa sihat melalui pemilihan makanan sihat dan selamat sepanjang bulan lebaran yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
8 Julai 2017